

orangmuda.

Arkitek landskap bukan sekadar tanam bunga

Siti Maisarah dapat inspirasi ketenangan wujudkan suasana mesra alam

Penampilannya yang suka senyum menyebabkan wajahnya sentiasa kelihatan manis.

Perwatakan yang lembut seolah-olah dapat menggambarkan kehalusan jiwanya dalam dunia seni dan kreatif. Justeru, tidak hairanlah, Siti Maisarah Salahudin cukup meminati kerjaya pilihannya sebagai arkitek landskap yang gigih sehingga menerima pelbagai pengiktirafan.

Malahan berkat kegigihan dan ketekunan terhadap kerja profesionalnya juga menyebabkan wanita muda ini dipilih atau dilantik untuk memegang beberapa jawatan penting membabitkan bidangnya.

Rekaan yang bermanfaat kepada masyarakat

Mengulas mengenai kerjayanya, Siti Maisarah menjelaskan sesuatu projek pembinaan tidak sempurna tanpa dilengkapi seni bina landskap yang bersesuaian dengan persekitaran itu sendiri.

Katanya, setiap rekaan perlu menitikberatkan elemen dan faktor lain yang wujud di sekeliling dalam menghasilkan sesebuah ruang landskap yang kondusif kepada komuniti. "Seni bina landskap bukan sekadar menanam pokok semata-mata.

"Ia adalah bidang yang dinamik membabitkan pelbagai pihak dan merangkumi pelbagai skop kerja landskap termasuklah berfungsi sebagai penyelesaian kepada masalah persekitaran," katanya.

Beliau juga menjelaskan perubahan pelbagai teknologi dan inovasi terkini dianggap menyumbang kepada reka bentuk landskap yang lebih bermanfaat kepada komuniti.

Konsep sedemikian, katanya, selari dengan visi Agenda Seni Bina Landskap 2050 atau Landscape Architecture Agenda (LAA2050) yang dilancarkan oleh Institut Arkitek Landskap Malaysia baru-baru ini.

Usaha sedemikian menjadikan landskap sebagai asas kepada kesejahteraan masyarakat dan

inspirasi kehidupan melalui teknologi yang inovatif dan nilai kelestarian.

Konsep kehidupan lestari

Siti Maisarah adalah jururunding daripada firma perunding landskap, Walrus Design Sdn Bhd.

Syarikat itu berpengalaman lebih 10 tahun dalam bidang ini.

Selain berpeluang bertugas dengan pelbagai firma perunding landskap, kontraktor, firma arkitek dan pemaju perumahan.?

Pernah juga bertugas dengan syarikat pemaju terkemuka Tropicana Corporation Bhd.

Kini beliau lebih banyak pemaju memberi penekanan kepada konsep kehidupan lestari dan menjadikan landskap sebagai sebahagian daripada misi pembangunan mereka.

Berdasarkan kepada konsep ini, arkitek landskap perlu bijak menggabungkan semua elemen pembangunan dan ترجمahkan dalam seni bina landskap mereka.

Rekaan perlu sesuai dengan persekitaran

Tugas sebagai arkitek landskap kadang-kadang bersifat teknikal dan sukar difahami kecuali mereka yang benar-benar memahami kerjaya ini.

Kata Siti Maisarah, reka bentuk landskap perlu sesuai dengan konsep rekaan bangunan dan mengambil kira elemen kelestarian persekitaran dalam pada masa yang sama mewujudkan ekosistem yang lebih stabil.

"Pemilihan bahan atau material dan spesies tanaman juga memainkan peranan penting untuk membentuk sebuah reka bentuk landskap yang menarik dan bersesuaian dengan tema dan fungsi ruang berkenaan," katanya.

Mengulas tugasnya sebagai arkitek landskap, beliau menjelaskan setiap tugas projek mempunyai ciri-ciri dan keunikan tersendiri dan penting untuk mendalami seterusnya menghasilkan satu reka bentuk landskap yang ideal.

personaliti



profil

Siti Maisarah Salahudin

- **Graduan** Ijazah Sarjana Muda Senibina Landskap Universiti Putra Malaysia (UPM).
- **Ahli Korporat** Institute Landskap Architects Malaysia (ILAM).
- **Ahli Majlis** Institute Landscape Architects Malaysia (ILAM), 2016-2018
- **Presiden** Kelab Alumni Senibina Landskap (KASEL) Fakulti Reka-bentuk dan Senibina, UPM 2017-2019.
- **Ahli Majlis** YPLab (Young People Lab) 2017
- **Anugerah** Arkitek Landskap Muda ILAM 2017.



Terbabit dalam program bengkel dan forum berkaitan bidang seni bina landskap.



Ia adalah bidang yang dinamik membabitkan pelbagai pihak dan merangkumi pelbagai skop kerja landskap termasuklah berfungsi sebagai penyelesaian kepada masalah persekitaran"

Siti Maisarah Salahudin,
Arkitek landskap